

10 JUL 2001

AGONG DAN DR MAHATHIR UCAP TAHNIAH KEPADA PRESIDEN MONGOLIA

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Mongolia Natsagin Bagabandi sempena Hari Kebangsaan negara itu esok.

Dalam perutusan itu Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agong menyampaikan ucap selamat dan tahniah kepada Presiden, kerajaan dan rakyat Mongolia sempena sambutan itu.

Seri Paduka bertitah Malaysia yakin hubungan mesra yang sedia wujud akan terus diperkukuh dan ditingkatkan demi kepentingan bersama rakyat dan kerajaan kedua-dua negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menghantar ucapan tahniah kepada rakan sejawatannya Nambur Enkhbayar.

"Bagi pihak kerajaan Malaysia, saya mengucapkan selamat dan salam mesra kepada Yang Amat Berhormat, kerajaan dan rakyat Mongolia sempena Hari Kebangsaan negara ini. Semoga tahun-tahun mendatang akan membawa lebih kemajuan dan kemakmuran kepada rakyat Mongolia," katanya.

Dr Mahathir gembira dengan kemajuan hubungan antara Malaysia dan Mongolia dan berharap kedua-dua pemimpin dapat bekerjasama erat memperkukuhkan lagi hubungan yang sedia terjalin dan meningkatkan kerajsama dalam isu-isu kepentingan bersama.

-- BERNAMA

SR ZS RON